




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

17 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 504 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 210,060 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes di Sandakan manakala Kota Kinabalu dan Tawau masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,016 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 198,463 orang. Manakala 2,180 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 854 orang di hospital, 1,318 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 106 orang merangkumi 99 di ICU/repurposed kritikal care serta tujuh (7) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 37 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 161 (51.94%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah meneruskan trend penurunan kes harian dengan catatan kes baharu sebanyak (504) kes, (135) lebih rendah daripada semalam. Jumlah ini merupakan angka terendah direkodkan sejak 22 Julai 2021.
- b. Sebanyak 15 daerah mencatatkan penurunan kes, lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan dan empat (4) daerah lagi mengekalkan catatan sebagaimana semalam. Hanya satu sahaja daerah yang mencatatkan peningkatan dua (2) angka iaitu daerah Tongod dengan penambahan 10 kes.
- c. Daerah-daerah yang mencatatkan penurunan kes dua (2) angka ialah Kota Belud (-30) kes, Ranau (-28) kes, Kota Kinabalu (-20) kes, Kudat (-17) kes, Putatan (-14) kes, Sipitang (-13) kes dan Keningau (-10) kes.
- d. Tidak ada daerah yang merekodkan kes tiga (3) angka dan kes tertinggi pada hari ini direkodkan di Kota Kinabalu dengan catatan (60) kes. Daerah-daerah lain mencatatkan kes baharu dibawah paras (50) kes.
- e. Daripada (504) kes yang dicatat hari ini, (198) kes atau 39.29% merupakan kes Saringan Bergejala atau kes-kes yang berlaku secara sporadik. Siapa yang menjangkiti dan tempat jangkitan berlaku sukar dikenal pasti. Yang pasti ia satu petanda virus COVID-19 sudah berada dalam masyarakat secara berleluasa dan risiko jangkitan semakin tinggi.
- f. Sebanyak (291) kes atau 57.7% yang direkodkan hari ini adalah kes yang berlaku sepanjang 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes lama yang lewat daftar dua hari ke atas setelah keputusan saringan diketahui. Walau bagaimanapun cuma satu (1) kes yang didaftar lewat melebihi 5 hari.
- g. Daripada keseluruhan kes hari ini, 92.06% adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, manakala enam (6) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5, dengan (29) kes lagi masih dalam penilaian pihak JKNS.

- h. Sungguhpun trend penurunan kes harian agak memberangsangkan tetapi kita belum memenangi peperangan melawan pandemik COVID-19 ini. Seperti yang diramalkan sebelum ini, kita berada dalam trend “yo-yo”, sekejap turun dan sekejap naik. Sikap kita sendiri yang akan menentukan bagaimana trend akan datang ditentukan.
- i. Pematuhan kepada semua SOP secara total dan konsisten adalah benteng utama menghindar jangkitan virus ini. Memperolehi vaksin yang lengkap bukan sahaja meninggikan imuniti badan kita tetapi dapat mengurangkan risiko jangkitan dan memastikan kita terhindar daripada kesan teruk virus COVID-19 sekiranya dijangkiti. Vaksin boleh menyelamatkan kita dan ahli keluarga kita daripada kematian akibat sakit jangkitan virus COVID-19.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (256) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	198	39.29%
3	Kontak	256	50.79%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	50	9.92%
JUMLAH		504	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/10/2021	Catatan Kes 17/10/2021	Perbandingan
1	Tongod	0	10	+10
2	Tuaran	33	41	+8
3	Papar	25	30	+5
4	Tambunan	8	13	+5
5	Kalabakan	1	4	+3
6	Tenom	21	23	+2
7	Tawau	13	14	+1
8	Kunak	5	6	+1
9	Beaufort	31	31	Mendatar
10	Kota Marudu	29	29	Mendatar
11	Pitas	19	19	Mendatar
12	Kuala Penyu	10	10	Mendatar
13	Kota Belud	59	29	-30
14	Ranau	52	24	-28
15	Kota Kinabalu	80	60	-20
16	Kudat	32	15	-17
17	Putatan	22	8	-14
18	Sipitang	15	2	-13
19	Keningau	38	28	-10
20	Lahad Datu	28	19	-9
21	Nabawan	12	4	-8
22	Telupid	9	3	-6
23	Penampang	48	44	-4
24	Beluran	17	13	-4
25	Kinabatangan	14	11	-3
26	Sandakan	13	10	-3
27	Semporna	5	4	-1
JUMLAH		639	504	-135

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (3 Oktober – 16 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	18	30	0	12	60	1,067
Penampang	0	32	11	0	1	44	391
Tuaran	0	26	11	0	4	41	517
Beaufort	0	19	11	0	1	31	270
Papar	0	21	7	0	2	30	378
Kota Belud	0	13	14	0	2	29	811
Kota Marudu	0	11	16	0	2	29	550
Keningau	0	14	11	0	3	28	636
Ranau	0	10	11	0	3	24	690
Tenom	0	10	12	0	1	23	476
Lahad Datu	0	10	8	0	1	19	478
Pitas	0	8	10	0	1	19	344
Kudat	0	4	10	0	1	15	402
Tawau	0	8	4	0	2	14	304
Beluran	0	8	5	0	0	13	204
Tambunan	0	6	6	0	1	13	181
Kinabatangan	0	9	2	0	0	11	301
Sandakan	0	3	3	0	4	10	394
Kuala Penyu	0	8	1	0	1	10	59
Tongod	0	5	2	0	3	10	93
Putatan	0	4	4	0	0	8	262
Kunak	0	5	1	0	0	6	114
Nabawan	0	1	2	0	1	4	138
Semporna	0	0	2	0	2	4	106
Kalabakan	0	1	2	0	1	4	41
Telupid	0	1	1	0	1	3	157
Sipitang	0	1	1	0	0	2	147
JUMLAH	0	256	198	0	50	504	9,511

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,446 unit

- Hospital 1,966 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,010 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 33.82%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	494
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	9
Jumlah	504

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	487
Bukan Malaysia	17
Jumlah	504

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	98
Belum Menerima Vaksin	80
Menerima 1 Dos	23
Lengkap 2 Dos	303
Jumlah	504

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	10
1 to 5	46
6 to 11	42
12 to 17	18
18 to 25	75
26 to 59	265
>60	40
Jumlah	504

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 17 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh PKPD Ditamatkan
1.	Kampung Mokodou, Ranau	4 Oktober 2021	Ditamatkan pada 17 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **658,196** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 14 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,262 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak tujuh (7) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Empat (4) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 115 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,008 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 255 premis perniagaan dan 1258 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 252 Premis Perniagaan melibatkan 164 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 88 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 270 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	98%
2	Kunak	98%
3	Penampang	98%
4	Beluran	98%
5	Beaufort	98%
6	Tuaran	98%
7	Sipitang	98%
8	Kota Marudu	98%
9	Semporna	97.5%
10	Papar	97.5%
11	Lahad Datu	97.5%
12	Sandakan	97.5%
13	Tawau	97.5%
14	Tenom	97.5%
15	Keningau	97.5%
16	Kota Belud	97.5%
17	Kudat	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Kota Kinabalu	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**